



Ruj. Kami : JANM.TRG.A.400-3/9 JLD 5 ( 3 )  
Tarikh : 2 Mac 2026

**SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN A**

Tuan,

**PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI AKAUN UNTUK TUJUAN PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN (AKHIR) LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA – PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2025**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pengesahan baki bagi kod-kod akaun yang berkaitan hendaklah disediakan bagi tujuan penyediaan Kertas Kerja Sokongan (Akhir) Lejar Akruan bagi Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra- Peralihan Tahun Kewangan 2025 oleh Pejabat Perakaunan. Oleh demikian, semua PTJ di bawah seliaan JANM Negeri Terengganu hendaklah mengambil perhatian ke atas perkara berikut:

- a) Menyediakan Pengesahan Baki mengikut **PTJ yang Dipertanggung** seperti pada **31 Disember 2025** bagi kod akaun berikut;

BIL	ITEM PENYATA	KOD AKAUN	LAMPIRAN	PENGHANTARAN PENGESAHAN BAKI	PEGAWAI BERTANGGUNG JAWAB TELEFON (09.6278200)
1	DEPOSIT BAYARAN	A052*	D1(A) & D1(B)	UNIT AKAUN	Samb:207/208/ 218/219/247/248
2	WANG PENDAHULUAN KONTRAKTOR (WPK)	A0591101	D3(A)		
3	PENDAPATAN TERDAHULU	L037*	L		
4	DEPOSIT	L11*	N(A) & N(B)		
5	TERIMAAN TAK DITUNAI (CTL)	A0311101	B3	UNIT PENGURUSAN DANA	Samb:205/206/ 204
6	AKAUN BELUM TERIMA (ABT) ONGOING RECEIVABLES	A048*	B7 & B7(A)		
7	HASIL BUKAN CUKAI BELUM TERIMA	A027*	B2		
8	PINDAHAN BELUM TERIMA	A028*	B2	UNIT PENGURUSAN ASET	Samb:235/236/ 239/244/ 274/ 279
9	PERBELANJAAN TERDAHULU ASET	A053*	D2		
10	INVENTORI	A06*	C1		
11	AKAUN BELUM BAYAR GRN/FRN TRANSIT ASET	L019*	G3		
12	ASET BELUM BAYAR	L013*	G1		

- b) Mengemukakan **empat (4) salinan asal Pengesahan Baki** yang lengkap dan sempurna kepada JANM Negeri Terengganu selewat-lewatnya pada **12 Mac 2026**.
3. Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan (**berasingan mengikut PTJ yang Dipertanggung**) serta **disahkan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan**. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan ini.
4. Perhatian dan kerjasama tuan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai dalam memastikan Pengesahan Baki bagi penyediaan Kertas Kerja Sokongan (Akhir) Lejar Akruan untuk Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Pra - Peralihan Tahun Kewangan 2025 adalah lengkap dan teratur.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MAZLAN BIN MUDA, C.A(M))**

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Terengganu